

Terima duit raya awal

» Bantuan khas ringan beban kakitangan kerajaan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Kakitangan awam Gred 54 ke bawah mendapat duit raya awal daripada kerajaan menerusi bantuan khas kewangan sebanyak RM500 bagi meringankan beban untuk persiapan Ramadan dan Aidilfitri.

Selain itu, lebih 700,000 pesara kerajaan yang menerima pencen mendapat RM250 yang semuanya dibayar pada 25 Jun ini.


Ia diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keempat Belas (MAPPA XIV) dan Persada Transformasi Perkhidmatan Awam, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Kerajaan prihatin

“Kerajaan sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan penjawat awam. Kedua-dua pembayaran ini membabitkan anggaran implikasi kewangan berjumlah RM1 bilion,” katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Najib yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan berkuatkuasa 1 November ini, penjawat awam gred 41 dan ke bawah akan menikmati kadar baharu terendah Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) sebanyak



Najib menunjukkan buku 'Melakar Wajah Baharu Perkhidmatan Awam' selepas berucap pada majlis MAPPA XIV dan Persada Transformasi Perkhidmatan Awam di Putrajaya, semalam disaksi Muhyiddin dan Ali.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

RM300 sebulan berbanding RM180 yang diterima sekarang.

Katanya, bagi mereka yang mendiami kuarters yang selama ini tidak menikmati imbuhan tetap mendapat faedah sebanyak 25 peratus daripada kadar ITP sebenar.

“Ini membabitkan 1.1 juta penjawat awam di seluruh negara, manakala implikasi kewangan sebanyak RM1.04 bilion setahun,” katanya.

Sementara itu, Najib mahu penjawat awam mentaati ikrar perkhidmatan awam tidak membocorkan rahsia kerajaan kerana kebocoran sebelum pengumuman rasmi boleh memberi implikasi kepada keputusan kerajaan.

“Sehari dua ini ada beberapa kebocoran maklumat rahsia kerajaan dilaporkan termasuk kenaikan harga tol. Kalau belum sedia membuat pengumuman, jangan bocorkan kerana dikhawatiri boleh jadi keputusan berlainan kelak,” katanya.

INFO

KADAR IMBUHAN TETAP PERUMAHAN KAKITANGAN AWAM



GRED 53 DAN 54
RM900

GRED 52 DAN 51
RM700

GRED 45 - 50
RM700

GRED 43 DAN 44
RM400

GRED 41 DAN 42
RM300

GRED 1 - 40
RM300